



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Utusan Malaysia - Akui Sebut Caj Imams RM90.10

Utusan Malaysia - Akui Sebut Caj Imams RM90.10

🕒 Selasa, Dis 19 2017



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Nazri jelaskan beri arahan agar kadar itu disemak semula

UM 19/12

Akui sebut caj Imams RM90.10

Oleh SAJIDA ASARULAH KHAN
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 18 DIS.

MENTERI Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz mengakui menyebut caj RM90.10 untuk Sistem Pemantauan Manasik Bersepadu (Imams) ketika mengulung perbahasan Bajet 2018 peringkat menteriannya 13 November lalu, namun telah mengarahkan kadar tersebut disemak semula.

Mohamed Nazri berkata, selain meminta caj berkenaan diturunkan, beliau juga mengarahkan supaya pelaksanaan Imams bersifat pilihan, bukan wajib seperti yang diumumkan Jumaat lalu.

Tanpa menafikan rakaman video penggulangan Bajet 2018 peringkat menteriannya yang ditularkan di media sosial itu, beliau berkata, apa yang tidak diketahui orang ramai adalah arahan beliau selepas itu supaya caj dan kaedah pelaksanaan Imams disemak semula.

"Sebaik sahaja selesai menggulung Bajet, saya tahu caj RM90.10 itu tinggi walaupun tidak diwajibkan. Maka atas inisiatif sendiri, saya arahkan kadar itu disemak semula di antara RM40-RM45 untuk keseluruhan kos meliputi caj pentadbiran dan takaful.

"Masa gulung itu bahan disediakan pegawai-pegawai, saya ingat sudah selesailah bila ada arahan baharu saya supaya disemak semula (kadar dan pelaksanaan Imams)," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, Mohamed Nazri menjelaskan arahan pelaksanaan Imams ditarik semula kerana sistem pemantauan lesen khas umrah itu tidak selari dengan ke-

KERATAN
*Utusan
Malaysia*
semalam.



mahuannya dan akibat kenyataan tersebut, rakaman video perbahasan Bajet 2018 beliau ditularkan di laman sosial.

Jumaat lalu, Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Mas Ermieyati Samsudin mengumumkan pelaksanaan Imams yang merupakan akses rasmi tunggal permohonan visa umrah untuk diproses Kedutaan Arab Saudi di Malaysia bagi menangani masalah penipuan pakej umrah.

Caj keseluruhan bagi penggunaan sistem Imams adalah sebanyak RM90.10 termasuk cukai barang dan perkhidmatan (GST) berjumlah RM5.10 dan perlu dimasukkan dalam harga pakej umrah sedia ada untuk setiap jemaah.

Mohamed Nazri yang ketika ini dalam rangka lawatan kerja ke Jerman memberitahu, pengumuman mengenai pelaksanaan Imams Jumaat lalu berlaku akibat salah faham kerana dibuat sebelum kadar baharu Imams diputuskan seperti yang diarahkan beliau.

"Ketika penggulangan saya menyebut RM90.10 kerana bawaran itu dipersetujui pengendali sistem dan pegawai, bukannya dipersetujui saya. Sebab itu, kemudiannya saya minta caj ke-



Selain meminta caj berkenaan diturunkan, saya juga mengarahkan supaya pelaksanaan Imams bersifat pilihan, bukan wajib seperti yang diumumkan Jumaat lalu."

MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
Menteri Pelancongan dan Kebudayaan

seluruhan diturunkan kepada RM40-RM45. Saya hanya beritahu kebenaran namun seperti dimaklumkan sebelum ini, Imams hanya cadangan dan tidak diwajibkan.

"Walaupun tidak diwajibkan namun pelaksanaan Imams adalah baik kerana sistem tersebut melindungi visa jemaah, tiket penerbangan, makanan serta tempat tinggal, sebab itu saya minta caj tersebut dikurangkan.

"Ketika itu saya yakin ada ruang untuk perbincangan agar caj Imams dikurangkan demi kebaikan jemaah, sudah tentu orang ramai tidak tahu apa yang saya lakukan selepas perbahasan tersebut, apa yang penting saya tidak menipu," tegasnya.

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

☎ 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



Dasar Privasi | Dasar Keselamatan | Penafian |
Peta Laman | Bantuan | Arkib | Undian

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

